

Jangan tukar kerajaan separuh jalan; PM

Pusat sokong BN Sarawak

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID
dan MANJA ISMAIL

MATU-DARO (Sarawak), Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang amalan menukar kerajaan 'separuh jalan' akan menjadi tabiat yang tidak baik di negara ini.

Merujuk keadaan di Sarawak, Perdana Menteri menegaskan, tindakan seperti itu hanya akan menjejaskan kestabilan dan keamanan. Kesannya, rakyat yang menderita.

"Sepatutnya, setelah memilih kerajaan menerusi luns-lunas demokrasi, rakyat hendaklah membenarkan kerajaan melaksanakan tugas dengan tenang dan aman. Jika kerajaan hanya mentadbir separuh jalan, sudah tentu pembangunan untuk rakyat terjejas," katanya ketika berucap di padang Majlis Daerah di sini hari ini sempena lawatan singkat ke Sarawak.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud; Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Kheng Yai dan Presiden MIC, Datuk S Samy Vellu.

● LIHAT MUKA 6

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata sepatutnya jika ada perselisihan pendapat mengenai pentadbiran Kerajaan Negeri, ia hendaklah dirundingkan.

"Jika ini diamalkan, tidak mungkin berlaku pentadbiran kerajaan separuh jalan. Jika difikirkan perlu, pemimpin boleh ditukar tanpa menjejaskan usaha kerajaan bagi membela nasib rakyat," tambahnya.

"Kerajaan menyokong BN Sarawak yang dianggotai oleh parti-parti yang diwakili oleh pelbagai kaum. Jika ada sesuatu masalah, ia perlu dirundingkan menerusi wakil semua kaum dalam BN. Kita tidak boleh mengutamakan sesuatu kaum sahaja. Hanya dengan cara ini, pemerintahan yang adil dapat diwujudkan," katanya.

Tetapi, kata Perdana Menteri, jika bertindak di luar bilik mesyuarat dan mengikut perasaan, ia hanya menimbulkan ketegangan kaum. Jika ada masalah sesuatu kaum, ia hendaklah dibincangkan bersama.

Di Semenanjung, meskipun 52 peratus penduduknya Melayu, mereka sanggup bekerjasama dengan kaum Cina dan India. Keadaan itu menyebabkan tidak berlaku perebutan kuasa dan inilah yang menentukan keamanan.

Datuk Seri Dr Mahathir bimbang, jika rakyat tidak bersatu padu, ia akan mencetuskan peperangan dan bunuh-membunuh sebagaimana di beberapa negara lain.

Konsep

"BN mengamalkan konsep yang adil. Bantuan diberi dengan saksama dan membolehkan rakyat hidup aman dan damai," katanya.

Sementara itu, ketika berucap di upacara meletakkan batu asas Dewan Sivik di Sarikei, Datuk Seri Dr Mahathir meminta pengundi mengekalkan kerajaan yang boleh berkhidmat kepada rakyat Sarawak dalam pilihanraya selama dua hari mulai esok.

"Keluarlah beramirami dan memberi undi kepada BN," katanya.

Menurutnya, meskipun kerajaan tidak mungkin dapat memenuhi semua tuntutan rakyat, kerajaan sentiasa memberi pertimbangan kepada tuntutan-tuntutan rakyat.